

Dr Mahathir belum tentu Menteri Kewangan 2003

BH 23 AUG 2002

BANDAR BARU NILAI, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad belum pasti sama ada akan terus memegang jawatan Menteri Kewangan sehingga persaraannya Oktober tahun depan atau melantik orang lain sebelum tempoh itu.

“Tak tahu lagi,” kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah kampus tetap Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) di sini hari ini.

Berikut adalah soal jawab antara Dr Mahathir dengan wartawan berhubung isu jawatan Menteri Kewangan yang disandangnya sejak Tun Daim Zainuddin meletak jawatan itu 1 Jun tahun lalu serta isu ekonomi semasa.

Wartawan: Adakah Datuk Seri sendiri akan membentangkan Belanjawan Negara 2003 di Dewan Rakyat pada 20 September ini?

Dr Mahathir: Ya, saya Menteri Kewangan.

Wartawan: Tetapi di Bangkok awal bulan lalu, Datuk Seri ada membayangkan kemungkinan melantik seseorang Menteri Kewangan baru bagi mengambil alih tugas Datuk Seri di Perbendaharaan dalam tempoh peralihan kuasa sekarang?.

Dr Mahathir: Ya, mungkin saya boleh tetapi walaupun jika saya lantik, kalau saya teringat nak sampaikan belanjawan, saya boleh juga.

Wartawan: Mungkin Datuk Seri akan terus pegang jawatan Menteri kewangan se-

hingga bersara pada Oktober tahun depan?

Dr Mahathir: Tak tahu lagi.

Perdana Menteri pernah menyangang jawatan Menteri Kewangan selama kira-kira empat bulan apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim dioecat datipada kerajaan dan parti pada September 1998, sebelum jawatan itu diserahkan kepada Daim pada Januari 1999.

Beliau turut diminta mengulas pengumuman Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz semalam mengenai pertumbuhan positif angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang didorong permintaan dalam negeri yang teguh dan pemulihan eksport yang menjadi teras

kepada perkembangan itu.

Wartawan: Semalam, Bank Negara mengumumkan bahawa KDNK tumbuh sebanyak 3.8 peratus dalam suku kedua tahun ini. Bagaimana pula ramalan bagi suku ketiga nanti?

Dr Mahathir: Ya kita nampak angka-angka yang kita terima suku ketiga nampak baik juga. Kita perlu berusaha lebih lagi. Kita perlu juga belanja segala wang yang diperuntukkan kepada kementerian-kementerian dan adalah cara lain yang akan kita buat.

Wartawan: Berdasarkan pertumbuhan menggalakan itu, apakah jangkaan angka pertumbuhan KDNK bagi keseluruhan tahun ini?

Dr Mahathir: 3.5 peratus

Wartawan: Tetapi penganalisis dan penyelidikan ekonomi antarabangsa mengunjurkan angka itu mampu mencatat hingga 4.5 peratus?

Dr Mahathir: Itu dia punya hal.

wartawan: Apakah angka sebenar unjuran (terbaru) bagi 2002 akan diumumkan apabila Datuk Seri membentang belanjawan bulan depan?

Dr Mahathir: Kita akan ambil kira angka-angka yang kita terima.

Sementara itu, mengulas cadangan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya satu tabung khas ditubuhkan untuk menjayakan matlamat ‘satu rumah satu komputer’, Dr Mahathir berkata tabung itu tidak perlu kerana harga komputer kini

tidaklah terlalu mahal.

“Tidak perlu tabung. Orang ramai mampu membelinya. Komputer kini sangat murah... RM1,800 saja, dulu RM4,000 atau RM5,000,” katanya.

Perdana Menteri berkata tindakan membatalkan skim pengeluaran caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli komputer dibuat kerana sekiranya pencarum mengeluarkan sejumlah caruman mereka, ia akan menyebabkan wang tabungan mereka berkurangan.

“Nak beli komputer, sekarang hanya RM50 sebulan saja. Kalau tak nak beli, boleh sewa, RM50 sebulan. Kalau nak belajarliah, tapi kalau nak tips, lainlah,” katanya.